

Tiga lagi memorial tokoh bangsa akan dibina

Oleh WAN SYAMSUL WAN SEADEY

KUALA LUMPUR 14 Mei - Kerajaan akan membina tiga lagi memorial pada tahun ini sebagai memperingati tokoh-tokoh bangsa yang telah berjuang untuk negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa), Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, memorial itu ialah Memorial Tun Abdul Ghafar, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V. Sambanthan.

"Kabinet sudah meluluskan pembinaan memorial tersebut dan dijangka akan dimulakan pada Julai ini.

"Semua projek ini akan disegerakan dan

dijangka mengambil masa antara enam hingga lapan bulan untuk disiapkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Pengisahan Sejarah Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR), Ipoh di sini hari ini.

Pada majlis itu, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar Ibnu Almarhum Tuanku Abdul Rahman telah berkenan untuk merasmikan buku 'STAR-Perintis Kecemerlangan'.

Buku yang mencatatkan rentetan sejarah 50 tahun STAR itu menceritakan sejarah awal, pemimpin-pemimpin negara dan kejayaan sekolah berkenaan.

Katanya, pembinaan Memorial Tun Ab-

dul Ghafar adalah untuk memperingati Bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang telah meninggal dunia pada 23 April tahun lepas manakala Memorial Tun Tan Cheng Lock bagi mengenang jasa bekas Presiden MCA Pertama dan Tun V. Sambanthan sebagai bekas Presiden MIC.

Setakat ini, Arkib Negara Malaysia telah mempunyai tujuh memorial iaitu Memorial Tunku Abdul Rahman, Memorial Tun Abdul Razak, Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir, Rumah Kelahiran P. Ramlee, Pustaka Peringatan P. Ramlee, Pustaka Perkhidmatan Awam dan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan.

Jelas Rais, tapak untuk Memorial Tun Ghafar sudah diluluskan kerajaan Melaka

dan akan dibina di kawasan berhampiran dengan rumah bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Tambah beliau, kementeriannya juga akan menghantar laporan untuk menambah baik struktur dan pameran di Memorial Tuanku Abdul Rahman yang ada sekarang.

"Memorial yang berusia hampir 15 tahun ini akan diperbaharui sebelum sambutan kemerdekaan kita yang ke-50 tahun ini.

"Satu konsep baru yang masih berpegang pada sejarah akan diwujudkan tetapi persembahannya akan menjurus kepada pameran moden yang akan menarik lebih pengunjung di sini," katanya.

UM - 15/5/2007.